

'Kemenangan, momen paling manis'

SETIAP tahun, lebih daripada 8,000 pesakit dikesan mengalami kegagalan buah pinggang dan perlu menjalani rawatan dialisis.

Jumlah pesakit buah pinggang yang semakin meningkat itu membuatkan hati Dr. Rafidah risau kerana semakin ramai golongan pesakit berada dalam kategori muda dan kanak-kanak.

Justeru, beliau aktif memberikan penerangan mengenai bahaya dan risiko kegagalan buah pinggang menerusi badan bukan kerajaan seperti Yayasan

Buah Pinggang Malaysia (NKF) dan #MedTweetMy. Antara aktiviti dijalankan seperti promosi kesihatan dan sesi webinar.

"Aktiviti banyak dalam media sosial sejak empat tahun lepas menerusi National Society of Nefrology. Aktiviti lain seperti berkongsi pengetahuan secara dalam talian mengenai penjagaan paliatif di UK. Saya bersyukur kerana King College dan Lancaster University banyak memberikan buah fikiran dan berkongsi penyelidikan yang mereka ada," katanya.